

30 DEC 1999

Mahathir-Pulau

NGO TIDAK SEPATUTNYA TERLALU MENDESAK PULAUKAN PENIAGA

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melancarkan pemulauan ayam kerana membantah kenaikan harga barangan, tidak sepatutnya terlalu mendesak dan memulaukan semua peniaga.

"Saya fikir kita patut jangan tergesa-gesa sangat. Kalau boikot, kita kena ingat orang yang jual itupun hendak cari makan juga, setengah daripada mereka (peniaga) itu bukan orang kaya... orang miskin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: Menghadapi Alaf Baru di Hotel Palace of the Golden Horses di Sungai Besi, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang bergabung dengan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), CUEPACS dan Majlis Belia Malaysia (MBM) mengadakan kempen pemulauan ayam sejak 23 Dis lepas sebagai bantahan terhadap kenaikan harga barangan secara mendadak pada musim perayaan ini.

Katanya tindakan memulaukan peniaga perlu mengambil kira faktor peniaga kecil kerana pemulauan terhadap peniaga secara menyeluruh hanya menjejaskan mereka khususnya peniaga kecil.

Dr Mahathir berkata tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap peniaga yang diketahui sengaja menaikkan harga barangan sedangkan kosnya rendah.

"Tapi janganlah boikot semua orang. Orang yang menjual di warung bukan dapat banyak sangat, kalau satu hari dapat 20 ringgit dan kita boikot dia, apa dia dapat," katanya.

Mengenai isu kenaikan harga barangan keperluan yang sering berlaku menjelang musim perayaan, Perdana Menteri berkata apabila tiba musim perayaan permintaan terhadap barangan biasanya meningkat.

Katanya apabila permintaan meningkat dan jika bekalan kurang, kebiasaannya harga akan naik.

"Tetapi di Malaysia ia (kenaikan harga barang) tidak naik secara mendadak dengan tidak mengambil kira kos dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mempunyai satu kementerian khusus iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengawasi hal-hal berkaitan barangan dan kenaikan harga barang.

Katanya kerajaan hanya mengawal harga barangan perlu antaranya gula dan tepung di samping mengawasi harga barangan lain.

Bagaimanapun, jika ada peniaga yang menaikkan harga secara keterlaluan, kerajaan akan mengambil tindakan supaya harga berkenaan tidak terlalu tinggi.

Dr Mahathir berkata kenaikan harga barangan boleh dibendung jika pembeli tidak sanggup membayar harga yang tinggi.

"Waktu perayaan, permintaan terhadap barangan menjadi terlalu tinggi dan bekalan pula kurang. Orang yang hendak itu pula sanggup bayar lebih, kalau dia tidak sanggup dan tidak bayar harga tinggi itu, peniaga akan jual dengan harga murah. Jangan bayarlah (kalau harga tinggi)," katanya.

-- BERNAMA

HS NMO